

PM akan hadir Forum Ekonomi Sedunia di Riyadh

BERITA HARIAN 28 APR 2024 m/s: 7

Lawatan kerja Anwar atas jemputan Putera Mahkota Arab Saudi

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melakukan lawatan kerja ke Riyadh, Arab Saudi untuk menghadiri mesyuarat khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) yang bermula semalam sehingga Isnin ini.

Kementerian Luar (Wisma Putra) dalam satu kenyataan berkata, lawatan kerja Anwar adalah atas jemputan Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed bin Salman yang juga Perdana Menteri.

Perdana Menteri akan diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Mesyuarat khas yang bertemakan 'Kerjasama Global, Pertumbuhan dan Tenaga untuk Pembangunan' akan dihadiri oleh ketua negara dan kerajaan serta pemimpin industri.

Perbincangan berkenaan akan tertumpu kepada isu pembangunan mampan, keselamatan tenaga, perdagangan dan pelaburan serta isu geopolitik semasa.

Perdana Menteri akan menyertai Sesi Panel bertemakan 'Wawasan Baharu untuk Pembangunan Global' bersama pemimpin negara lain ketika Pembukaan Mesyuarat Khas ini.

Sampai ucapnama sesi GCC

Selain itu, Anwar akan menyertai 'Joint Regional Strategy Dialogue on ASEAN - Gulf Cooperation Council (GCC)' yang diadakan khusus untuk menengahkan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN pada 2025 dan Perdana Menteri akan menyampaikan ucapnama dalam sesi berkenaan.

Wisma Putra berkata, Per-

dana Menteri juga akan menghadiri program Dialog Strategi Negara dan akan berinteraksi dengan pemimpin industri dunia bagi menengahkan peluang ekonomi yang boleh dimanfaatkan di Malaysia.

Sesi itu diadakan khas untuk membolehkan Malaysia menengahkan keutamaan strategik dan inisiatif negara, termasuk pertumbuhan ekonomi dan fiskal, serta peluang perdagangan dan pelaburan.

Ketika lawatan kerja itu Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua negara dan kerajaan bagi mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Lawatan kerja Perdana Menteri ke Arab Saudi akan mengukuhkan lagi hubungan erat yang sedia terjalin dengan Kerajaan Arab Saudi, pada masa sama, mempereratkan hubungan persahabatan antara kedua-dua pemimpin.

BERNAMA